

01 SEP 2003

Mahathir-Hudud

PAS BUAT TAFSIRAN SENDIRI HUKUM HUDUD, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 1 Sept (Bernama -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hukum hudud PAS dibuat berdasarkan tafsiran sendiri yang bertujuan meraih sokongan dan undi.

Beliau berkata tafsiran itu terbukti salah apabila banyak pihak menentang Peruntukan Seksyen 16 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1992, yang memberi gambaran bahawa perbuatan liwat yang dilakukan suami terhadap isterinya adalah tidak salah.

"Kita dah lama tidak bersetuju dengan hukum hudud Pas kerana ia berdasarkan tafsiran sendiri dan tidak memberi keadilan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarbangsa Langkawi, Padang Mat Sirat, di sini, hari ini, setelah melakukan lawatan peribadi dua hari ke Pulau Langkawi.

Beliau diminta mengulas mengenai seksyen berkenaan yang ditentang banyak pihak kerana didakwa tidak bersikap adil terhadap wanita.

Beliau berkata Al-Quran telah menyatakan dengan jelas bahawa jika hendak menghukum seseorang ia hendaklah dilakukan secara adil tetapi hukum hudud Pas ternyata tidak adil.

"Orang yang kena rogol dihukum, orang yang rogol dilepas, mana boleh adil macam itu, Islam kena adil, kalau hukuman itu adil barulah ia Islam, kalau tak adil, kalau menindas orang Islam itu tidak Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata hukum hudud juga telah dipergunakan Pas bagi meraih undi orang Islam dan bukan Islam.

Beliau berkata, perkara itu jelas apabila mereka berkata kepada orang Islam bahawa parti itu akan menegakkan hukum hudud apabila menjadi kerajaan, sementara kepada orang bukan Islam mereka berkata tidak akan melaksanakan hukum hudud.

"Itu jelas menggambarkan mereka hanya pentingkan politik, iaitu mencari undi orang Islam dan bukan Islam. Ini penipuan yang amat besar yang tak sepatutnya datang dari orang yang kononnya guna Islam sebagai dorongan bagi dia," katanya

Menjawab satu soalan Dr Mahathir berkata, kebanyakan penyokong Pas terlalu taksud dengan pemimpin mereka menyebabkan segala yang dilakukan pemimpin mereka diterima walaupun ia secara terang-terangan salah di sisi Islam.

-- BERNAMA

MZM PR